

**INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)****KENYATAAN TAWARAN TENDER T02/03/2025**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang / pecahan pengkhususan berkaitan yang masih berkuatkuasa bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

**KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN SECARA REKA DAN BINA RUANG PEJABAT UNIT A-16-01 THE MET  
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)**

NO. TENDER & TARIKH PELAWAAN	SYARAT PENDAFTARAN	KOD BIDANG / PECAHAN PENGKUSUSAN	LAWATAN TAPAK WAJIB	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN (soft copy)	TARIKH TUTUP & SERAHAN DOKUMEN
T02/03/2025 10 APRIL 2025 (KHAMIS)	Taraf Bumiputra  Berdaftar dengan Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)  GRED: G3 (Berdaftar di Kuala Lumpur & Selangor sahaja)	B04 (Kerja Am Bangunan)  B07 (Hiasan Dalaman)  B28 (Kerja Ubahsuai)  dan  CE21 (Kerja-Kerja AM Kejuruteraan Awam)	17 APRIL 2025 (KHAMIS), JAM 10.00 PAGI  RUANG PEJABAT UNIT A-16-01 THE MET, 20, JALAN DUTAMAS 2, KOMPLEKS KERAJAAN, 50480 KUALA LUMPUR, WILAYAH  (Berkumpul di lobi utama untuk pendaftaran)	18 APRIL 2025 (JUMAAT)  Hingga 20 MEI 2025 (SELASA)  RM100.00  ISNIN – JUMAAT  8.00 PAGI – 4.00 PETANG	20 MEI 2025 (SELASA)  (SEBELUM 12.00 TGH HARI)

2. Kontraktor-kontraktor hendaklah mengemukakan **Sijil-sijil Asal** berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.
- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA (JIKA BERKAITAN).
  - SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN (CIDB)
  - SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK)

Satu salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan IKIM semasa membeli dokumen Tender. IKIM berhak menolak permohonan yang pada tanggapan IKIM tidak layak.

3. Bayaran dokumen Tender boleh dibuat secara Tunai / Direct bank in / Wang Pos / Bank Draf atas nama **INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) syarikat hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen dan mengemukakan satu (1) tawaran sahaja.

4. Dokumen Tender akan diserahkan setelah bayaran dibuat. Dokumen Tender tidak akan dijual selepas tempoh yang dinyatakan dalam jadual di atas.
5. Kontraktor yang berminat **diwajibkan menghadiri taklimat kerja** seperti butiran di atas dengan membawa bersama dokumen pra kelayakan. Wakil syarikat **diwajibkan membawa bersama surat perwakilan dan cop rasmi syarikat**. Tawaran dianggap sebagai tidak sah dan tidak diperakui sekiranya kontraktor **tidak menghadiri** taklimat kerja.
6. Sila sertakan **salinan Sijil SSM, Pendaftaran Syarikat, Penyata Bank (3 bulan terkini) yang disahkan oleh pihak bank dan Penyata Kewangan yang beraudit (jika berkenaan) dan salinan surat pendaftaran Kastam (SST)** jika berkaitan.
7. Semua kos berkaitan dengan tawaran tender dan perkhidmatan ini adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
8. IKIM tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. IKIM berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tender tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Dokumen Tender yang telah lengkap (**sila buat dalam dua (2) salinan**) diisi beserta dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan ditulis pada bahagian atas penjurong kiri "**Dokumen Tender: T02/03/2025**" dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Kaunter Khidmat Pelanggan, Blok A Bawah, Institut Kefahaman Islam Malaysia sebelum atau pada jam 12.00 Tengahari pada 20.5.2025 (Selasa)** dan dialamatkan seperti di bawah:-

**INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA  
NO. 2, LANGGAK TUNKU OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM,  
50480, KUALA LUMPUR  
TEL: 03-6204 6200 FAX: 03-6201 4189**

Dokumen Tender yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.